

PERSEDIAAN PENDAKWAAN DAN PERANAN KETUA PENDAKWA SYARIE DI MAHKAMAH SYARIAH

Taufiq A. Rashid
taufiqrashid@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz
tuan.nurhafiza@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Peranan utama seorang pendakwa syarie ialah melaksanakan pendakwaan bagi kesalahan jenayah syariah di mahkamah syariah. Pendakwaan di mahkamah syariah adalah berpandukan tiga undang-undang utama, iaitu Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah. Dalam konteks yang lebih mendalam, Ketua Pendakwa Syarie mempunyai kuasa menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan dan memberhentikan sebarang prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang dikumpul melalui akta, kes-kes, peraturan dan amalan, kajian kepustakaan menerusi tesis, artikel jurnal dan akhbar bagi mendapatkan isu semasa yang melibatkan pendakwaan dan institusi penghakiman Syariah secara traditional dan kontemporari. Dapatan kajian ini mendapati di peringkat pendakwaan syariah, sesuatu aduan atau dakwaan yang telah sempurna syarat-syaratnya hendaklah dikemukakan secara terperinci kepada Hakim atau mahkamah tertentu yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dakwaan tersebut. Justeru, kesalahan terhadap agama yang menjadi skop penguatkuasaan adalah merujuk kepada perbuatan dan perlakuan yang berlaku dalam domain awam yang juga berkaitan dengan konsep makruf dan mungkar

Kata kunci: pendakwaan, kesalahan jenayah syariah, Mahkamah Syariah Malaysia

PREVIOUS PROSECUTION AND ROLE OF CHIEF SYARIE PROSECUTOR IN SYARIAH COURT

Abstract

The main role of a syarie prosecutor is to prosecute prosecution for sharia criminal offenses in syariah court. The prosecution in the syariah court is guided by three major laws, namely the Shariah Criminal Procedure Code, the Syariah Court Evidence Law and the Syariah Criminal Offenses Law. In a more in-depth context, the Chief Syariah Prosecutor has the authority at its discretion to commence, conduct and dismiss any proceedings for an offense before a Syariah Court. The methodology used in this study is to use content analysis methods collected through deeds, cases, rules and practices, bibliographic studies through thesis, journal articles and newspapers to obtain current issues involving prosecution and Shariah judgments institutions in a traditional and contemporary manner . The finding of this study found that at the prosecution level of syariah, a complaint or allegation that has been properly complied with shall be submitted in detail to a certain Judge or court having jurisdiction to hear such allegations. Hence, the error of the religion which is the scope of enforcement refers to acts and conduct occurring in the public domain which is also related to the concept of good luck and misleading.

Keywords: prosecution, sharia criminal offense, Syariah Court of Malaysia

Pengenalan

Undang-undang prosedur jenayah syariah menggariskan prosedur dan proses yang perlu diikuti apabila melibatkan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan yang diperuntukan di bawah kesalahan jenayah syariah negeri-negeri (Abdul Monir, 2016). Undang-undang prosedur jenayah syariah merupakan rujukan utama bagi kesalahan jenayah syariah yang mengandungi peruntukan kesalahan-kesalahan terhadap agama, akidah, kesalahan tatasusila dan kesalahan berkaitan matrimoni yang menyalahi hukum syarak serta prosedur perkahwinan. Undang-undang prosedur membabitkan proses-proses yang perlu dilaksanakan dan diikuti oleh pihak penguatkuasa (Siti Zubaidah, 2016). Tujuan utama penggubalan undang-undang prosedur adalah untuk mengatur prosedur yang perlu diikuti bagi melicinkan pengurusan di dalam kesalahan jenayah syariah.

Maksud 'kesalahan' dalam konteks jenayah syariah ialah sebarang bentuk perbuatan yang boleh dihukum ke atasnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Ahmad Hidayat *et al*, 2007). Secara umumnya, undang-undang prosedur ini merangkumi beberapa aspek iaitu pertama, membabitkan kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama dan fungsi Bahagian Penguatkuasaan dalam menjalankan tugas. Kedua, kuasa Pendakwa Syarie dalam mendakwa kes jenayah syariah dan melibatkan Bahagian Pendakwaan, dan Ketiga, kuasa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri dalam mentadbir, menguruskan kes dan membicarakan kes-kes jenayah syariah. Di dalam perbincangan ini, fokusnya adalah kepada persediaan pendakwaan dan peranan ketua pendakwa syarie di mahkamah syariah.

Justeru, tujuan utama prosedur jenayah syariah dan pendakwaan di dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah syariah pada umumnya adalah untuk mengatur prosedur yang perlu diikuti bagi melicinkan urusan pentadbiran khususnya melibatkan Mahkamah Syariah (Abdul Monir, 2015). Ia membabitkan kuasa pegawai penguatkuasa agama, kuasa pendakwa syarie dan kuasa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri dalam mentadbir, mengurus dan membicarakan suatu kes yang melibatkan prosiding pendakwaan dan jenayah yang tersendiri.

Prosiding Mahkamah Menurut Syariat Islam

Undang-undang sivil dan jenayah Islam, tidak akan dapat berperanan secara efektif, dalam menjamin kepentingan (*maslahah*) individu serta masyarakat, jika tidak diamalkan bersama-sama suatu sistem prosiding mahkamah yang membolehkan pertuduhan dan pensabitan dijalankan ke atas tertuduh dan hukuman dijatuhkan ke atas pesalah yang sabit kesalahannya. Dalam ungkapan lain kedua-dua undang-undang tersebut pada asalnya bersifat statik tetapi kemudiannya berubah menjadi dinamik apabila digerakkan oleh prosiding mahkamah. Dari sudut yang lain, wujudnya prosiding mahkamah akan membolehkan negara melaksanakan suatu dasar yang dikenali sebagai "dasar kawalan jenayah" secara berkesan (Muhammad Fathi, 1980).

Di samping itu, hukuman yang merupakan kesan daripada pelanggaran ke atas apa-apa peruntukan yang terdapat dalam undang-undang sivil atau jenayah Islam tidak akan dapat dilaksanakan secara adil dan saksama, melainkan jika terdapat sistem prosiding mahkamah yang jelas dan teratur. Justeru, menjadi suatu kepastian di samping wujudnya hak mengenakan hukuman, maka perlu adanya hak untuk membuat tuntutan dan pendakwaan. Oleh itu, dapat dilihat betapa perlunya prosiding mahkamah yang merupakan proses melaksanakan kaedah-kaedah yang mengatur atau menyusun tuntutan dan pendakwaan sama ada tuntutan sivil atau dakwaan jenayah, bermula daripada salahlaku atau pelanggaran ke atas sesuatu batas atau larangan syarak. Hasil dari pelaksanaan kaedah-kaedah ini juga akan melahirkan berbagai hak-hak dan bebanan atau tanggungan sama ada kepada pendakwa atau ke atas pihak yang kena dakwa.

Ciri-Ciri Prosiding Mahkamah

Dengan keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa prosiding mahkamah adalah suatu cara menguatkuasa Undang-undang Sivil dan Jenayah Islam serta mewujudkan hak pemerintah dalam menegakkan keadilan. Ini disebabkan peruntukan-peruntukan undang-undang sama ada yang berbentuk suruhan atau tegahan tidak akan dapat berfungsi jika tidak diketahui cara melaksanakannya (Amin al-Jarumi, 2006). Begitu juga halnya dengan hukuman, mustahil dapat dilihat kesannya jika tidak terdapat kaedah-kaedah yang mengatur segala perkara yang berkaitan proses-proses mengenalpasti penjenayah, siasatan, pendakwaan, pembuktian dan akhirnya mengenakan hukuman jika sabit kesalahannya.

Selain daripada itu perlu ditekankan di sini, meskipun syariat Islam mewajibkan disempurnakan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan (*al-jaraim*), namun syariat Islam tidak menentukan cara atau prosedur tertentu untuk mendedah, menyalahkan dan mendengar sesuatu dakwaan terhadap sesuatu tuduhan atau kesalahan (Abu Hasan, 1985). Sebaliknya, semua perkara ini diserahkan kepada budi bicara pemerintah (*wali al-'amr*) untuk melakukan sesuatu yang perlu dan sesuai dalam mencapai kepentingan masyarakat dan negara. Namun begitu ia hendaklah dengan syarat tidak bertentangan dengan *nas-nas* yang jelas dan nyata dari al-Quran dan al-Sunnah serta *al-Ijma*, *al-Qiyas* dan matlamat-matlamat Syariat (*Maqasid al-Shari'ah*) (Ibn Qayyim, t.th).

Prosiding mahkamah merupakan proses melaksanakan kaedah-kaedah yang mengatur dan menyusun cara-cara negara menggunakan haknya dalam menegakkan keadilan, maka dalam konteks ini ia memiliki ciri-ciri berikut (Amin al-Jarumi, 2006). Pertama, hubungkait yang rapat antaranya dengan undang-undang sivil dan jenayah Islam. Ini bermakna prosiding mahkamah tidak boleh wujud dengan sendiri tanpa wujudnya peruntukan-peruntukan undang-undang sivil dan undang-undang jenayah Islam yang memperakui hak negara mengenakan hukuman terhadap sesuatu kesalahan. Kedua, antara prosiding mahkamah dengan undang-undang sivil dan undang-undang jenayah Islam tidak terdapat perbezaan dari segi pensyariatannya (*shari'iyah*). Tetapi jika dilihat daripada aspek subjek dan objektif kedua-duanya agak berbeza. Undang-undang sivil dan undang-undang jenayah Islam bertujuan mengawal kepentingan individu, masyarakat dan negara dengan menyalahkan perbuatan-perbuatan yang memudaratkan mereka atau yang mengancam mereka dengan kemudaratan, sama ada ke atas agama, jiwa, harta benda, akal dan maruahnyanya (Abu Ishaq, 1969). Prosiding mahkamah pula berfungsi mengatur perjalanan pentadbiran proses keadilan agar kesilapan dalam menjatuhkan hukuman tidak berlaku.

Konsep Umum Prosiding Mahkamah Dalam Syariat Islam

Berdasarkan petunjuk dari al-Quran, as-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas serta beberapa sumber sampingan yang lain para ilmuwan telah menggariskan beberapa konsep umum prosiding mahkamah. Antara konsep-konsep tersebut ialah kebebasan kehakiman, keterbukaan perbicaraan dan kesamarataan antara pihak-pihak bertikai.

Kebebasan Kehakiman

Bagi memastikan sesebuah institusi kehakiman Islam, khususnya hakim dapat menjalankan tugasnya dengan baik, maka mereka hendaklah bebas daripada sebarang tekanan atau campur tangan dari mana-mana pihak. Sebarang tekanan atau campur tangan sama ada dari pihak pemerintah atau orang perseorangan yang mempunyai kepentingan tertentu akan mengakibatkan keadilan institusi kehakiman tergugat dan kebebasan akan tercemar. Ini disebabkan, tidak sukar bagi seseorang hakim untuk melaksanakan undang-undang, namun untuk menegakkan keadilan ia merupakan di antara fungsinya yang paling sukar. Justeru, konsep kebebasan pengadilan merupakan jaminan penting kepada kelancaran pelaksanaan prosiding mahkamah tanpa diganggu mana-mana pihak

Kebebasan kehakiman ini bermaksud, institusi kehakiman dan para hakim hendaklah bebas daripada campur tangan luar, samaada daripada kuasa perundangan (*al-sultah al-tasyri'iyah*) atau daripada orang awam. Campur tangan boleh berlaku dengan cara pihak tertentu mengambil sesuatu tindakan secara langsung atau tidak langsung yang boleh mendatangkan kesan terhadap perjalanan pengadilan atau keputusan yang dibuat oleh hakim atau mahkamah. Oleh itu, kuasa legislatif ditegah daripada menyelesaikan sesuatu pertikaian yang terdapat unsur undang-undang atau meluluskan sesuatu undang-undang yang boleh membataskan kuasa hakim atau mahkamah dalam membuat keputusan ke atas sesuatu kes yang dihadapi kepadanya. Ia juga ditegah dari meminda atau mengeneipkan sesuatu keputusan yang dibuat oleh mana-mana institusi kehakiman.

Sementara itu, kuasa eksekutif pula tidak harus mengeluarkan sesuatu arahan atau perintah yang berkaitan dengan proses pengadilan kepada kuasa kehakiman, bahkan sebaliknya ia hendaklah membantu melaksanakan keputusan yang dibuat oleh hakim dan mahkamah meskipun terpaksa menggunakan kekerasan. Begitu juga apa yang ditekankan oleh para fuqaha tentang sikap para hakim yang perlu mengeneipkan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mendesak supaya mereka tidak mengendalikan sesuatu kes yang dihadapi kepada mereka. Sebaliknya, apa yang seharusnya dilakukan oleh para hakim ialah membuat keputusan sekiranya segala syarat-syaratnya telah dipenuhi supaya nama baik, keadilan dan kebebasannya tidak tercemar.

Namun begitu, meskipun institusi kehakiman dan hakim diberi kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan tugas-tugas pengadilan, namun ini tidak berarti mereka bebas daripada sebarang pengawasan dan pemeriksaan pihak ketua negara. Ini disebabkan, mereka dilantik oleh ketua negara, maka mereka adalah bertanggungjawab terhadapnya dari segi pentadbiran dan pengurusan. Justeru, para fuqaha telah mewajibkan ketua negara mengawasi sendiri jabatan-jabatan kerajaan, pegawai dan kaki tangan termasuk para hakim selaku orang yang diamanah melaksanakan tugas mentadbir negara atau yang diistilahkan dengan membangun siyasah ummah dan menjaga agama. Selain dari ketua negara, ketua hakim negara juga dikehendaki menjaga perilaku para hakim dan pembantu-pembantunya dalam menjalankan tugas masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai ketidakadilan mana-mana hakim, sedangkan ketua negara tidak mengetahui tentang latar belakangnya yang sebenar, maka dituntut untuk meminta pandangan mengenai diri hakim tersebut daripada orang-orang berkelayakan di kalangan penduduk tempatan di mana hakim itu menjalankan tugasnya. Jika maklum balas yang menunjukkan hakim itu sememangnya sentiasa berlaku adil dalam pengadilannya, maka hendaklah dibiarkan terus menjalankan tugasnya jika sebaliknya, maka ia hendaklah disingkirkan (Hasan Ali, 1973).

Dari sini jelas menunjukkan Islam memberi kebebasan kepada Hakim dalam menjalankan tugas agar ia tidak diganggu gugat oleh mana-mana pihak yang memiliki kuasa dan kepentingan, namun kebebasan yang diberikan itu bukanlah sesuatu yang bersifat mutlak. Tambahan pula, hakim juga adalah manusia biasa yang tidak lepas dari membuat kesilapan, oleh itu kuasa untuk mengawal dan mengawas yang diberikan kepada ketua negara dan ketua hakim negara adalah amat wajar sekali.

Keterbukaan Perbicaraan

Diantara konsep umum prosiding mahkamah ialah semua sidang perbicaraan hendaklah dijalankan secara terbuka. Ini bertujuan untuk membolehkan sesiapa saja mendengar dan mengikuti keseluruhan proses perbicaraan yang dijalankan. Tiada pihak hinggakan hakim yang boleh menghalang sesiapa yang ingin menghadiri sesi perbicaraan terbuka, melainkan beberapa keadaan di mana perbicaraan terpaksa dijalankan secara tertutup. Misalnya untuk menjaga kepentingan kesusilaan dan kepentingan awam (*al-maslahah al-ammah*). Konsep ini diperakui dan telah diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat baginda dan para hakim pada zaman kegemilangan sistem kehakiman Islam.

Dalam konteks amalan prosiding di mahkamah syaria di malaysia, sama ada dalam prosiding kes sivil atau prosiding kes jenayah terdapat peruntukan-peruntukan yang jelas mengenainya. Merujuk kepada seksyen 119, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (ATMMS WP) 1998 di dalam bahagian Pendengaran memperuntukan semua prosiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Mahkamah terbuka dan semua prosiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Kamar. Seterusnya di dalam tatacara jenayah syaria merujuk kepada seksyen 5, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (ATJS WP) 1997 di dalam bahagian Peruntukan Am tentang Mahkamah Jenayah memperuntukan tempat mana-mana mahkamah bersidang bagi maksud membicarakan apa-apa kesalahan hendaklah merupakan suatu mahkamah terbuka dan awam di mana orang ramai pada amnya boleh masuk.

Seterusnya menurut seksyen 6 di dalam perkara orang ramai tidak boleh hadir dalam hal tertentu. Seseorang hakim yang mendengar apa-apa perkara atau prosiding boleh atas alasan khas demi polisi atau manfaat awam menurut budi bicaranya tidak membenarkan orang ramai hadir di mahkamah itu pada mana-mana peringkat perbicaraan tetapi dia hendaklah dalam tiap-tiap hal sedemikian pada masa itu merekodkan dalam rekod prosiding itu alasan perintah itu dibuat menurut ATJS WP. Dari sudut penghakiman menurut seksyen 118 (ATJS WP) 1997 dalam tiap-tiap perbicaraan di dalam mana-mana mahkamah hendaklah diumumkan di dalam mahkamah terbuka, sama ada dengan serta-merta atau pada suatu masa kemudiannya yang mengenainya notis wajar hendaklah diberikan kepada pihak-pihak dalam perbicaraan itu atau peguam syarie, dan tertuduh hendaklah jika dalam jagaan, dibawa ke hadapan mahkamah itu atau jika tidak dalam jagaan, dikehendaki hadir untuk mendengar penghakiman disampaikan. Manakala menurut seksyen 130 (1) tiap-tiap hakim perbicaraan hendaklah menyampaikan penghakiman bertulis. (2) Kecuali dalam hal prosiding di dalam Kamar, Hakim perbicaraan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), mengumumkan penghakimannya di dalam Mahkamah terbuka.

Oleh yang demikian menurut seksyen diatas yang telah diperuntukan di dalam tatacara mal dan jenayah syariah, dapatlah dirumuskan bahawa keseluruhan proses perbicaraan sehingga kepada membuat keputusan hendaklah dijalankan secara terbuka, melainkan dalam beberapa keadaan yang pada pandangan hakim perlu dijalankan secara tertutup. Pada pandangan penulis tujuan pengamalan ini adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui dan mengikuti sesi perbicaraan di mahkamah. Ia juga secara tidak langsung memberi peluang kepada orang ramai mengambil tindakan mengawasi perjalanan prosiding mahkamah dan para hakim dalam menjalankan tugas. Ini sudah pasti akan membawa kepada bertambahnya kepercayaan dan keyakinan terhadap sistem kehakiman, menjamin kesucian dan mewujudkan rasa ketenangan di kalangan pihak-pihak bertikai.

Kesamarataan antara Pihak yang Bertikai

Kesamarataan adalah merupakan paksi utama hak-hak manusia dan jaminan asasi dalam konteks kemuliaan kehidupan. Bagi pihak-pihak yang bertikai, rasa kesamarataan ini diperlukan khususnya apabila sesuatu kes sedang dalam proses perbicaraan. Konsep kesamarataan dalam perbicaraan merupakan sebahagian dari pada konsep keadilan yang menyeluruh dan diperakui oleh semua perlembagaan negara-negara yang merdeka. Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Dari segi peruntukan di dalam (ATJS WP) 1997, seksyen 96 menjelaskan tatacara dalam perbicaraan dan perkara berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan iaitu peruntukan seksyen 96(c) jika tertuduh enggan membuatakuan atau tidak membuatakuan atau meminta dibicarakan, mahkamah hendaklah mendengar pengadu jika ada, dan mengambil segala keterangan yang dikemukakan bagi menyokong pendakwaan itu manakala seksyen 96(j) jika tertuduh tidak mengaku salah kepada pertuduhan itu sebagaimana yang dipinda atau jika tiada pindaan dibuat, tertuduh hendaklah dipanggil untuk membuat pembelaannya dan mengemukakan keterangannya, dan hendaklah pada bila-bila masa apabila dia membuat pembelaannya dibenarkan untuk memanggil semula dan memeriksa balas mana-mana saksi melalui Hakim. Seterusnya seksyen 96(m) memperuntukan jika mahkamah mendapati tertuduh tidak bersalah, mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan dan sekiranya mahkamah mendapati tertuduh tidak bersalah, mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan (ATJS WP) 1997. Dari keterangan dan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa prinsip kesamarataan ini amat penting dalam konteks menegakkan keadilan yang merupakan matlamat utama yang hendak dicapai di akhir sesuatu prosiding mahkamah dan pengecualian yang dibuat secara tidak langsung akan mengeneipkan prinsip keadilan ini.

Pelantikan Dan Kuasa Pendakwa Syarie

Peranan utama seorang pendakwa syarie ialah melaksanakan pendakwaan bagi kesalahan jenayah syariah di mahkamah syariah. Pendakwaan di mahkamah syariah adalah berpandukan tiga undang-undang utama, iaitu Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Ghazali Abdul, 2005). Selain itu, terdapat juga Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak tahun 2000 serta Arahan Ketua Pendakwa Syarie negeri yang telah diterima pakai di seluruh negeri sejak tahun 2008. Ia lebih bersifat arahan kerja bagi memudahkan tugas pendakwa syarie (Siti Zubaidah, 2008). Ketua pendakwa Syarie dilantik oleh pihak berkusa agama negeri masing-masing (Siti Zubaidah, 2016).

Berdasarkan seksyen 58, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (APUI WP) 1993 di dalam bahagian Pendakwaan dan Perwakilan memperuntukan perlantikan pendakwa-pendakwa syarie dan pegawai-pegawai penguatkuasa agama adalah melalui (1) Yang di-Pertuan Agong (YDPA) boleh atas nasihat Menteri, melantik seorang, yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, menjadi Ketua Pendakwa Syarie, (2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. (3) Ketua Pendakwa Syarie bolehlah melantik orang-orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie yang

hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri. (4) Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam. Dari segi tugas pendakwaan pula, menurut ATJS WP 1997 seksyen 181, Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kawalan dan arahan ke atas segala pendakwaan dan prosiding jenayah di bawah Akta ini. Seksyen 182. Ketua Pendakwa Syarie hendaklah hadir sendiri atau diwakili oleh Pendakwa Syarie.

Selain itu dari segi peraturan dan penguatkuasaan merujuk kepada Arahan Ketua Pendakwa Syarie 2011. Arahan ini merupakan satu garis panduan bagi tugas pendakwaan undang-undang syariah yang dibuat untuk semua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia (Alias Azhar *et al.* 2018). Arahan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Ketua Penguat kuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia dan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia. Kandungan arahan ini merangkumi 8 bahagian iaitu bahagian permulaan, penyediaan buku daftar dan buku rekod, penerimaan dan penyemakan kertas siasatan, prinsip pendakwaan, penyediaan pertuduhan, prosiding pendakwaan dan perbicaraan, rayuan dan bahagian am. Secara prinsipnya, arahan ini banyak merujuk kepada Pendakwa Syarie.

Bidang Kuasa Khusus Ketua Pendakwa Syarie

Dalam konteks undang-undang jenayah syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan berpaksikan akta atau enakmen tatacara jenayah syariah yang jelas mengandungi segala aspek tatacara berkaitan tindakan-tindakan bagi kesalahan yang dilakukan. Dengan peruntukan yang sedia ada, pihak penguat kuasa dan pihak pendakwa tidak akan tersasar dalam melaksanakan tugas masing-masing (Alias Azhar *et al.* 2018).

Seksyen 183. pendakwaan merujuk kepada ATJS WP 1997 memperuntukan (1) apa-apa pendakwaan di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie atau seseorang Pendakwa Syarie. (2) Pendakwaan di hadapan Mahkamah Rendah Syariah bolehlah dijalankan oleh (a) Ketua Pendakwa Syarie atau seseorang Pendakwa Syarie, (b) seorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang diberikuasa secara bertulis oleh Ketua Pendakwa Syarie untuk bertindak bagi pihaknya, atau (c) seorang pengadu sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

Permulaan Tugas Pendakwaan

Tugas pendakwaan bermula sebaik sahaja kertas siasatan yang disempurnakan oleh bahagian penguatkuasaan diserahkan kepada bahagian pendakwaan untuk diambil tindakan lanjut. Tugas utama pendakwa syarie ialah meneliti segenap aspek siasatan yang telah dilakukan terutama yang melibatkan bukti dan keterangan. Hal ini perlu sebelum memutuskan sama ada segenap bukti dan keterangan yang diperlukan sudah mencukupi untuk menegakkan kes itu. Semua pendakwaan kes jenayah dijalankan atas nama pendakwa syarie.

Penerimaan dan Penyemakan Kertas Siasatan

Di bahagian pendakwaan ini, proses yang akan dilakukan bermula dengan pendaftaran penerimaan kertas siasatan dari bahagian penguatkuasaan. Seterusnya, penyemakan ke atas kertas siasatan akan dilakukan. Penyemakan yang akan dilakukan adalah berkaitan tiga aspek utama iaitu aspek-aspek teknikal proses siasatan, kesaksian dan keterangan. Arahan Ketua Pendakwa Syarie menetapkan bahawa pendakwa syarie hendaklah memastikan bahawa fail siasatan mengandungi perkara yang berikut:

- a) Salinan pengenalan diri suspek.
- b) Perintah menyiasat suspek daripada Ketua Pendakwa Syarie.
- c) Borang maklumat kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama.
- d) Pernyataan dalam pemeriksaan orang yang disyaki.
- e) Laporan tangkapan.
- f) Laporan operasi.
- g) Pernyataan dalam pemeriksaan saksi.

- h) Laporan penyiasatan Pegawai Penguat Kuasa Agama.
- i) Senarai barang yang disita.
- j) Buku laporan operasi; dan
- k) Dokumen lain yang berkaitan.

Dari segi kesaksian, Pendakwa Syarie perlu memastikan bahawa pemilihan saksi adalah terdiri daripada saksi yang berkualiti, kompeten dan berkredibiliti. Saksi juga mempunyai kelayakan yang bersesuaian yang mengikut hukum syarak dan sekurang-kurangnya dua orang. Dari segi keterangan pula, antara perkara yang perlu ada ialah gambar, laporan pakar, lakaran tempat kejadian, rekod kesalahan lampau (jika berkaitan), laporan perubatan dan laporan sokongan lain yang relevan. Selain itu, pendakwa syarie juga perlu memastikan fakta-fakta penting seperti masa, tarikh dan tempat kejadian ada dinyatakan di dalam Kertas Siasatan. Begitu juga perlu dipastikan bahawa barang-barang kes sememangnya ada dalam simpanan dan disenggarakan dengan baik di tempat yang dikhaskan.

Setelah semakan terhadap kertas siasatan selesai dilakukan dan sekiranya kertas siasatan itu didapati tidak lengkap dimana bukti yang terkumpul yang diperoleh oleh Pihak Penguatkuasa Agama tidak memuaskan pada pandangan pihak pendakwa, dalam hal ini kertas siasatan berkenaan akan dikembalikan kepada pihak penguatkuasa bagi melengkapkannya semula. Jika kertas siasatan didapati telah lengkap, maka pihak pendakwa akan mengambil langkah berikutnya iaitu menentukan jenis kesalahan yang dilakukan, seksyen berkaitan kesalahan itu, serta merangka pertuduhan yang sesuai. Maksud lengkap disini ialah merujuk bukti dan keterangan yang diperoleh yang bukan sahaja menepati elemen peruntukan kesalahan jenayah syariah yang berkenaan, tetapi juga mencapai suatu tahap bahawa kes itu diyakini kuat untuk diteruskan dengan pendakwaan.

Keputusan dan Kuasa untuk Mendakwa

Arahan atau keputusan untuk membuat pendakwaan terhadap sesuatu kes yang telah sempurna siasatannya mestilah dibuat oleh Ketua Pendakwa Syarie seperti yang telah dinyatakan di dalam seksyen 181. Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan dan memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Walaubagaimanapun, keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan mana-mana prosiding tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya, tetapi tertakluk kepada pertimbangan perundangan yang mendalam. Ketua Pendakwa Syarie perlu membuat pendakwaan atau sebaliknya. Dari aspek bidang kuasa, antara pertimbangan yang perlu dibuat ialah: (a) menentukan bahawa kes itu berlaku di dalam wilayah di mana dia mempunyai bidang kuasa untuk mendakwa. (b) menentukan Mahkamah yang akan membicarakan kes berkenaan sama ada Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi.

Bagi kes-kes yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi, pendakwaan akan dilakukan sama ada oleh Ketua Pendakwa Syarie atau Pendakwa Syarie. Sementara bagi kes-kes Mahkamah Rendah, pendakwaan boleh dibuat oleh mana-mana Pendakwa Syarie atau seorang Pegawai Penguat Kuasa Agama atau pengadu yang dibenarkan. Perkara ini selaras dengan peruntukan seksyen 183 yang telah dijelaskan terdahulu. Bagi pengendalian kes rayuan, hanya Ketua Pendakwa Syarie yang akan mengendalikannya. Seksyen 182 menyebut bahawa dalam apa-apa rayuan Ketua Pendakwa Syarie hendaklah hadir sendiri atau diwakili oleh Pendakwa Syarie. Ketua Pendakwa Syarie dibantu oleh beberapa orang Pendakwa Syarie dalam melaksanakan tugas pendakwaan. Perlantikan mereka adalah selaras dengan peruntukan seksyen 58(3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu Ketua Pendakwa Syarie bolehlah melantik orang-orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan am Persekutuan menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie yang hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

Rumusan

Pendakwaan ialah suatu langkah yang diambil oleh pihak pendakwa untuk membuktikan orang yang dituduh telah melakukan kesalahan jenayah seperti yang terkandung dalam pertuduhan di Mahkamah. Pendakwaan lazimnya diselenggarakan oleh pendakwa raya bagi kes-kes di Mahkamah Sivil dan Ketua Pendakwa syarie untuk kes-kes di Mahkamah Syariah atau oleh pegawai-pegawai yang

bertugas di bawah bidangkuasanya. Dalam konteks jawatan Ketua Pendakwa Syariah, beliau dilantik untuk menjalankan tanggungjawab serta tugasnya untuk negeri masing-masing di Malaysia. Pelantikannya berada di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang berkaitan. Dalam konteks undang-undang prosedural, pengkanunan undang-undang tatacara jenayah syariah di dalam negara ini di peringkat negeri-negeri pada masa ini adalah satu usaha murni yang patut diberi sanjungan. Usaha murni ini membabitkan kuasa Pegawai penguatkuasa Agama, kuasa pendakwa syariah dan kuasa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah negeri dalam mentadbir, mengurus dan membicarakan suatu kes jenayah syariah.

Justeru, kesalahan terhadap agama yang menjadi skop penguatkuasaan adalah merujuk kepada perbuatan dan perlakuan yang berlaku dalam domain awam yang juga berkaitan dengan konsep *makruf* dan *mungkar* (Siti Zubaidah, 2017). Tujuan utama penggubalan tatacara undang-undang jenayah syariah adalah untuk mengatur tatacara yang harus diikuti bagi melicinkan urusan pentadbiran keadilan jenayah syariah. Manakala di dalam mahkamah awam, permulaan pendakwaan bermula apabila pihak polis menerima laporan atau dikenali sebagai 'laporan maklumat pertama' berkenaan sesuatu kesalahan. Sekiranya kesalahan itu di dalam kategori 'kesalahan boleh tangkap' pihak polis akan membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan. Manakala sekiranya laporan itu berhubung dengan 'kesalahan tidak boleh tangkap', pihak polis akan sama ada merujuk pemberi maklumat kepada majistret yang boleh mengambil tindakan terhadap kes berkenaan di bawah seksyen 133 sehingga 136 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) atau memohon perintah penyiasatan daripada pendakwa raya untuk meneruskan penyiasatan (Teo Say Eng, 2008). Semua pendakwaan jenayah dijalankan atas nama Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara yang dilantik di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Pendakwa Raya selanjutnya boleh melantik orang yang berkelulusan undang-undang yang layak dan patut sebagai Timbalan Pendakwa Raya. Timbalan Pendakwa Raya boleh menjalankan segala atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak pada atau yang dilaksanakan oleh Pendakwa Raya melalui atau KTJ atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain kecuali mana-mana hak atau kuasa yang secara nyata harus dikendalikan oleh Pendakwa Raya sendiri.

Di peringkat pendakwaan, sesuatu aduan atau dakwaan yang telah sempurna syarat-syaratnya hendaklah dikemukakan secara terperinci kepada Hakim atau mahkamah tertentu yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dakwaan tersebut. Pada kebiasaannya, sesuatu aduan atau dakwaan dibuat dalam borang aduan yang mengandungi butiran-butiran mengenai diri pihak yang menuntut atau mendakwa, yang kena tuntutan atau yang kena dakwa, tarikh tuntutan atau dakwaan dibuat, fakta-fakta tuntutan atau dakwaan serta sandaran-sandarannya. Penyataan butiran-butiran ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak yang kena dakwa mendapat gambaran awal mengenai dakwaan yang dihadapkannya ke atasnya dan dengan ini membolehkannya membuat persediaan yang secukupnya. Di samping itu, ia juga akan membolehkan pihak hakim mendapat gambaran yang jelas mengenai fakta sesuatu dakwaan dan ini dapat membantunya menetapkan tarikh memulakan prosiding perbicaraan.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Penerbit Universiti Islam Malaysia. Hlm. 150.
- Abdul Monir Yaacob. 2016. *Perkembangan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Universiti Islam Malaysia. Hlm. 369.
- Abu Hasan Ali. 1985. *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm. 273-297.
- Abu Ishaq Ibrahim. 1969. *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. Maktabat wa Matba'at. Mesir. Hlm. 5.
- Ahmad Hidayat Buang *et al*, 2007. *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 201.
- Alias Azhar, Muhammad Hafiz Badarulzaman, Mohammad Azam Hussain & Fauziah Mohd Noor. 2018. "Parameter Hisbah Dalam Kerangka Perundangan Jenayah Syariah Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Pencegahan Kesalahan Jenayah Khalwat. *International Journal Of Law, Government And Communication*. Vol: 3. Hlm. 57.
- Amin al-Jarumi. 2006. *Prinsip-prinsip Prosiding Mahkamah dalam Syariat Islam*. UPENA. Hlm. 4.

- Ghazali Abdul Rahman. 2005. "Amalan-Amalan Pentadbiran di Mahkamah Syariah". Jurnal Hukum Bahagian 11. Hlm. 184.
- Hasan Ali Ibn Khalil. 1973. Mu'in al-Hukkam. Cetakan 2. Mesir. Sharikat Maktabat wa Matba'at. Hlm. 32.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. t.th. al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 14.
- Muhammad Fathi Bahnasi. 1980. Mawqif al-Shariah min Nazariyyat al-Difa' al-Ijtima'i. Dar al-Shuruq. Hlm. 98.
- Siti Zubadah Ismail. 2008. "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis". Jurnal Syariah. Hlm. 537.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 87.
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 2.
- Teo Say Eng. 2008. Pendakwaan Jenayah di Mahkamah Rendah. LexisNexis Malaysia. Hlm. 3